

Yang Berbahagia Datin Salasiah Binti Idris
Selaku Ketua WHIP

Yang Dihormati En Lio Kwang Meng
Selaku Timbalan Ketua WHIP

Yang Dihormati
Ahli-Ahli Majlis, Majlis Daerah Kota Tinggi
Ketua-Ketua Jabatan

Tidak Dilupakan
Barisan Pemerhati Majlis Daerah Kota Tinggi

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh selamat pagi , Salam Sejahtera dan Salam Muafakat
Johor

1. Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan rahmatNya, dapat kita semua meraikan Sambutan Hari Pekerja pada 1 Mei 2016 yang lalu. Saban tahun kita meraikan sambutan hari ini sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan para pekerja dalam menjana kemajuan Negara. Bekerja adalah satu tanggungjawab dan tuntutan dalam hidup manusia. Sebanyak mana juga harta yang dimiliki atau ditinggalkan oleh keluarga, pasti habis juga suatu hari nanti. Bekerja dengan ikhlas dan jujur akan member satu kepuasan tersendiri yang pastinya tidak dapat dibeli dengan wang ringgit.

Para Ahli-ahli Mesyuarat yang saya kasihi,

2. Bulan Rejab adalah diantara bulan yang mulia dalam islam, setiap umat Islam pasti menantikan bulan ini setiap tahun dimana pada malam 27 Rejab tahun ke-11 kerasulan Nabi Muhammad saw telah terjadi suatu peristiwa luar biasa yang mengemparkan serta menakjubkan fikiran , iaitu peristiwa Israk dan Mikraj. Oleh yang demikian satu Majlis Sambutan Israk Mikraj Peringkat Daerah KT di Masjid Kg Lukut Kota Tinggi pada 4hb Mei yang lalu telah diadakan.
3. Jutaan terima kasih dan tahniah saya ucapkan kepada Yang Berbahagia Datin Salasiah Binti Idris selaku Ketua WHIP MDKT dan juga Ketua-Ketua jabatan yang menghadiri Taklimat Pelan Transformasi PBT Peringkat Zon Selatan di Bilik Bangunan Sultan Ismail, IskandarPuteri.pada 8hb Mei yang lalu.
4. Buat pengetahuan semua hadirin, sepanjang bulan mei ini pihak MDKT telah terlibat secara langsung dalam beberapa program dan di antara program-program tersebut ialah Taklimat Pelan Transformasi Daerah Kota Tinggi bersama Tuan Pegawai daerah Ahli majlis dan Ketua-Ketua Jabatan MDKT di Tapak Projek RAPID. Saya juga ingin memohon maaf kerana tidak dapat bersama-sama dalam sesi taklimat tersebut berikutan keadaan kesihatan yang tidak mengizinkan, dan alhamdulillah semuanya telah berjalan dengan lancar dan semoga hasrat yang dibincangkan dapat dilaksanakan.
5. Pada 22 hingga 24hb baru-baru ini saya telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan PBT 2016 telah berlangsung Di Hotel Pullman Miri Sarawak. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh semua YDP dan Setiausaha dari setiap negeri, antara pengisian yang dapat saya kongsi bersama .

Para Hadirin yang saya hormati,

6. Kembara Mahkota Johor atau juga dikenali sebagai KMJ merupakan program bersama rakyat yang diterajui oleh Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ismail Ibni Sultan Mahmud Iskandar. Untuk pengetahuan hadirin sekalian, KMJ dimulakan pada 2001 yang merupakan cetusan Sultan Ibrahim sendiri yang ketika itu menjadi Tunku Mahkota Johor. Kembara ini bertujuan mendekatkan hubungan keluarga diraja Johor dengan rakyat. Dalam kembara ini baginda menggunakan motosikal berkuasa tinggi, kereta pacuan empat roda dan bot bagi penjelajahan kepulau-pulau sekitar Johor.
7. Pada tahun ini Sultan Johor Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar menggunakan trak jenis Mack milik baginda pada program Kembara Mahkota Johor (KMJ) yang bermula dari 14hb Mei hingga 17hb Mei yang lalu.
8. Untuk makluman dan rekod Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar telah mencemar Duli berjumpa dan bersama Rakyat Kota Tinggi di di Dewan Semerah Padi dan Legaran Tanah Putih Tanjung Sedili pada 14hb Mei yang lepas. Buat semua kakitangan yang terlibat secara langsung mahu pun tidak langsung jutaan terima kasih saya ucapkan, Semoga Allah membalas dan memberi yang terbaik buat anda semua dan keluarga.
9. Seperti tidak lengkap ucapan saya jika tidak berkongsi beberapa petikan menarik yang saya perolehi dari orang-orang lama mahupun dalam bahan bacaan yang pernah saya baca. Kali ini ingin saya kongsi dari petikan Mutiara dari Prof. Dr. Haji Abdul Malik Karim Amrullah atau lebih dikenali dengan nama HAMKA.
10. "Jangan takut jatuh, kerana yang tidak pernah memanjatlah yang tidak pernah jatuh. Yang takut gagal, kerana yang tidak pernah gagal hanyalah orang-orang yang tidak pernah melangkah. Jangan takut salah, kerana dengan kesalahan yang pertama kita dapat menambah pengetahuan untuk mencari jalan yang benar pada langkah yang kedua".
11. Sebelum saya akhiri ucapan saya kali ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadhan buat semua ahli Mesyuarat, Semoga kita mendapat keberkatan dan syafaat yang terbaik dari Allah S.W.T.

***Setitik tinta jadi noda
Setitik salah jadi dosa
Bulan penuh berkah telah tiba
Mari tekun ibadah di bulan puasa***

***Pohon Pisang Bertunas Menjulung,
Daunnya Lebar Dibuat Bungkus
Puasa Ramadhan Kembali Menjelang,
Salah Dan Khilaf Mohon Dimaafkan.***

Selamat Menyambut Bulan Penuh Berkah”

Semoga Johor, khususnya Kota Tinggi lebih Inklusif, Lestari dan Sejahtera

Sekian, Kepada Allah Kita Berserah

Saya Akhiri Ucapan Saya Dengan, Wabilahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum
Warohmatullahiwabarakatuh, Salam Muafakat Johor dan Salam Sejahtera.